

NO. SOALAN : 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L
KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : **26 MAC 2015 (Khamis)**

SOALAN :

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk menghapuskan hukuman mati mandatori dan menggantikannya dengan hukuman alternatif iaitu penjara seumur hidup.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan pada masa ini melalui Jabatan Peguam Negara sedang menjalankan kajian bagi meneliti isu undang-undang, dasar dan keberkesanan pelaksanaan hukuman mati di negara ini. Skop kajian tersebut tidak terhad kepada kedudukan hukuman mati mandatori sahaja, sebaliknya merangkumi keseluruhan peruntukan hukuman mati yang dikuatkuasakan di negara ini dan juga pelaksanaannya.
2. Skop kajian tersebut tidak terhad kepada kedudukan hukuman mati mandatori sahaja, sebaliknya merangkumi keseluruhan peruntukan hukuman mati yang dikuatkuasakan di negara ini dan juga pelaksanaannya.
3. Keputusan dasar berhubung perkara ini dipertimbangkan berdasarkan hasil kajian tersebut.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (23)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 26 MAC 2015
[KHAMIS]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID
[KOTA TINGGI]**

SOALAN :-

**Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID
[KOTA TINGGI] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah
Kerajaan berhasrat untuk memperkasakan sistem 'Sewa untuk Beli' untuk
memudahkan pemilikan rumah mampu milik.**

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah pun mengkaji cadangan mewujudkan sistem ‘sewa untuk beli’ (*Rent To Own*) khususnya untuk pemilikan rumah-rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR). KP KT juga telah mengadakan perbincangan dengan kerajaan-kerajaan negeri bagi pelaksanaan konsep ini untuk mengurangkan beban pembeli-pembeli rumah di bawah program PPR dan cadangan tersebut akan dilaksanakan sebelum hujung tahun ini.